

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

SPU301 - Pemikiran Politik Perbandingan

Tarikh: 3 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Jawab EMAPT (4) soalan sahaja.

1. Bincangkan ciri-ciri perbezaan di antara falsafah politik klasik (the classical solution) dengan falsafah politik moden (the modern solution) yang dibentangkan oleh Leo Strauss. Adakah falsafah Islam lebih mirip kepada falsafah politik klasik atau falsafah politik moden?
2. "Manusia dilahirkan bebas, dan di mana-mana saja terantai". Huraikan kenyataan ini dengan menggunakan pengertian konsep kebebasan yang dibentangkan oleh Isaiah Berlin.
3. Nyatakan institusi-institusi yang mesti terdapat di dalam sesuatu sistem politik. Bandingkan fungsi dan perhubungan di antara institusi-institusi tersebut yang terdapat di dalam dua bentuk sistem politik.
4. Ideologi berperanan melahirkan kesedaran bersama (collective conscience) yang perlu wujud di dalam masyarakat. Bincangkan ketiga-tiga teori ideologi yang dikemukakan oleh Clifford Geertz dengan memberi penekanan kepada implikasi ke atas sistem politik.
5. Bentangkan dan bandingkan konsep manusia mengikut Rousseau dan Islam. Berasaskan kepada perbincangan pengertian konsep manusia tersebut, gariskan bentuk masyarakat terbaik yang mungkin dicapai.
6. "Falsafah Marx hanya mampu mengeritik, tetapi gagal mengemukakan penyelesaian". Dengan merujuk kepada ciri-ciri utama sistem pemerintahan komunis, bincangkan kebenaran kenyataan tersebut.